



Bermula dengan apa yang kita ada

facebook.com/puteh.press
instagram.com/putehpress
twitter.com/putehpress

KENYATAAN MEDIA BUKU AKAN TERBIT

Buku I'm a Backpacker: Germany

Meneruskan tradisi buku bestseller *I'm a Backpacker: Korea* dan *I'm a Backpacker: Europe*, kini Puteh Press datang lagi dengan buku terbaru, iaitu *I'm a Backpacker: Germany*. Buku ini bukan sebuah buku travelog yang mencatatkan pengalaman penulis. Tetapi, ia adalah buku yang menunjukkan cara *how-to*, bagaimana untuk mengembara di Jerman. Keistimewaan utama buku ini adalah bagaimana mahu travel ke sebuah negara yang terkenal dengan keindahan seni bina, pemandangan ala poskad, teknologi hebat, festival yang meriah, dan banyak kepelbagaiannya lain yang boleh diterokai.

Buku panduan ini ditulis bagi memudahkan pembaca memahami tentang negara Jerman. Pembaca boleh datang serta melihat sendiri kehebatan negara yang masyhur dengan kejuruteraan automotif dan bola sepaknya.

Keistimewaan buku ini adalah:

- Sepenuhnya berwarna.
- Dipenuhi dengan gambar-gambar daripada koleksi peribadi penulis.
- Maklumat yang disampaikan melalui penceritaan langkah demi langkah berserta tips-tips penting.

- Pembaca mampu sesuaikan panduan untuk keperluan seorang mahupun secara berkumpulan.
- Pilihan tarikh, tempat, aktiviti, jenis pengangkutan, penginapan, tukaran wang, makanan, pakaian, dan banyak lagi.
- Penceritaan daripada penulis yang pernah pergi sendiri ke tempat-tempat ini.

Buku ini unik kerana belum ada buku panduan kembara yang ditulis secara langkah demi langkah sebegini. Tidak seperti buku lain yang banyak menyenaraikan tempat yang perlu dilawati, buku ini tidak menyenaraikan satu pun tempat perlu dilawati, namun memberikan peluang kepada pembaca bagi memilih sendiri dan buku ini menjadi panduan atau blueprint bagaimana melaksanakannya.